

ASPEK-ASPEK YANG MEMPENGARUHI KEPUTUSAN KLIEN DALAM
MENGUNAKAN SISTEM PEMBINAAN BERINDUSTRI (IBS)

NIK FARAH ESMA BT HASLAN

Laporan dikemukakan sebagai memenuhi
sebahagian daripada syarat penganugerahan
Ijazah Sarjana Muda Sains Pembinaan

Fakulti Alam Bina
Universiti Teknologi Malaysia

APRIL, 2007

ABSTRAK

Sistem Pembinaan Berindustri (IBS) adalah merupakan alternatif kepada sistem pembinaan konvensional. IBS didefinisikan sebagai sistem bangunan yang melibatkan pengeluaran komponen-komponen binaan di kilang kemudian dipasang di tapak. Ia adalah merupakan sistem yang mampu meningkatkan kualiti industri pembinaan dan menjadikan industri pembinaan kita mampu bersaing secara global. Namun begitu, penggunaannya di dalam negara ini masih lagi rendah. Klien pula adalah merupakan pihak yang membayar sesebuah projek dan berkuasa memilih kaedah pembinaan samada ingin menggunakan kaedah konvensional atau IBS. Justeru itu, kajian ini adalah bertujuan untuk mengenalpasti tahap kesedaran klien terhadap IBS dan aspek-aspek yang mempengaruhi keputusan klien dalam menggunakan IBS. Penyelidikan dijalankan dengan kajian soal selidik dan temubual. Soal selidik dijalankan dan diedarkan kepada klien di sekitar Johor, Kuala Lumpur, Selangor dan Kelantan bagi mengumpul maklumat terhadap tahap kesedaran klien terhadap IBS manakala temubual bersama arkitek dan jurutera awam dan struktur dijalankan di sekitar Johor sahaja bagi mengumpul maklumat terhadap aspek-aspek yang mempengaruhi keputusan klien dalam menggunakan IBS. Arkitek dan jurutera awam dan struktur dipilih sebagai responden adalah kerana mereka merupakan pihak yang menasihati klien dalam sesebuah projek pembinaan. Hasil kajian menunjukkan bahawa tahap kesedaran klien terhadap IBS adalah baik dan terdapat tujuh aspek-aspek yang mempengaruhi keputusan klien dalam menggunakan IBS dikenalpasti. Ianya termasuklah masa, kos, pulangan, pasaran, rekabentuk, pengangkutan dan fleksibiliti.

ABSTRACT

Industrialised Building System (IBS) is an alternative to construction conventional method. IBS is defined as construction system in which components are manufactured in a factory, positioned and assembled into a structure on site. IBS will improve and contribute towards a better construction industry, as well as enhance the global competitiveness of Malaysian builders. However, its usage in Malaysia is still low. Client is the party who is paying for the project and has the power to choose whatever construction methods in his project; whether conventional method or IBS. Therefore, the objectives of this research are to identify client's awareness on IBS and to identify aspects to be considered by the client in using the IBS. The data were gathered through mailing questionnaires to various clients in Johor, Kuala Lumpur, Selangor dan Kelantan to identify the client's awareness on IBS. Meanwhile interviews were held with architects and civil and structural (C & S) engineers in Johor Bahru only. Architects and C & S engineers were chosen as the respondents because they are the parties who consult and advise the clients in their projects. The findings indicate that the client's awareness on IBS is good and seven aspects have been identified to be considered by the clients in using IBS. The aspects include time, cost, return from investment, design, transportation and flexibility.